

KITA SUDAH TUKAR
chedet.co.cc
December 16, 2009
By Dr. Mahathir Mohamad

1. Presiden Amerika Syarikat Barack Obama berjanji akan tukar (change) dasar-dasar Amerika Syarikat.
2. Tetapi jauh daripada menukar Obama sudah tambah tentera Amerika di Iraq dan Afghanistan. Kem tahanan Guantanamo pun masih diteruskan.
3. Tetapi kita sudah tukar. Dahulu kita pertahan negara-negara yang ditindas Amerika Syarikat. Sekarang kita sokong Amerika Syarikat menindas Iran.
4. Kononnya kerana Iran hendak membuat senjata nuklear. Kononnya dunia akan diancam oleh Iran dengan perang nuklear. Setakat kita tahu yang mengancam ialah Amerika Syarikat dan Israel. Dan Iran menjadi sasaran mereka.
5. Amerika Syarikat mempunyai 10,000 nuclear warhead. Israel mempunyai beratus senjata nuklear.
6. Yang sudah guna senjata nuklear ialah Amerika Syarikat dan Israel bukan sahaja di Hiroshima tetapi di perang Teluk dan di Gaza. Mereka guna "depleted uranium" daripada bahan nuklear. Kita relakan. Secara rasmi kita tidak protes.
7. India punyai senjata nuklear. Begitu juga Pakistan.
8. Kenapa Iran tidak boleh? Gilakah Iran hendak lancar perang nuklear dengan dua biji bom nuklear? Amerika Syarikat, Rusia dan Israel sudah tentu akan balas serangan Iran dengan 25,000 bom dan roket nuklear yang dimiliki mereka. Iran akan hancur dan hilang daripada muka bumi ini.
9. Jika India, Pakistan, China, Perancis, Britain, Amerika Syarikat dan Israel boleh memiliki senjata nuklear kenapa Iran tidak boleh?
10. Sekatan sanction sudahpun dikenakan keatas Iran. Kita tidak membantah. Tetapi kita tidak pernah sokong sanction.
11. Tetapi sekarang duta kita dipanggil balik untuk disoal kenapa tidak sokong Amerika.
12. Dasar-dasar lama memang patut dihapuskan. Tetapi inilah dasar baru kita?

147 Comments

By pang5bugis  on [January 1, 2010 2:52 PM](#)

setuju tukar kjn dan dasar nya sekali.....

By KP1-ITM77  on [January 1, 2010 7:12 AM](#)

Tun, What is going to happen without your comment?.

By 6 Jahanam  on [December 30, 2009 4:11 PM](#)

Kita perlu tukar!

Keluar rumah kita dihadapi pelbagai jenis manusia.
Bukan urusan kita menukar pelbagai perangai manusia,
tapi kita perlu tukar bagi pelbagaikan keadaan.
Melayu/Islam

1. mesti hidup berdikari, jangan harapkan bantuan kerajaan.

Kerajaan hanya bolih membantu, yg nak dibantu diri kita sendiri.
Kerajaan pun kadang kadang sesak dah !

2. Perlu minimba ilmu. Bantuan wang berguni guni tak akan
memajukan sesorang tanpa ilmu. Nak berniaga carilah guru niaga,
nak berjudi carilah guru judi.

3. mesti menjaga hak, seperti tanah keturunan, beli lagi jangan dijual lagi.
Gunakan apa yg ada bagi menambah apa yg tiada.
Bukan gunakan apa ada tapi besok dah takada.

4. mesti sering berkommunikasi sesama sendiri,
banyak minimbang nimbang jika sesuatu keputusan yg tak pasti.

5. Perlu keras bila membuat satu perjanjian, jangan asik nak sign, aja. Besok lusa kena
main. Zaman sekarang orang buat perjanjian undang undang untuk bikin duit.

Cukuplah sejenak ini, fikir fikirkan, pesan pesankan sesama kita

By AZ  on December 30, 2009 10:35 AM

Akum Tun

Saya tahu kenapa perkara ini boleh berlaku.

Masa Tun lain, Tun seorang yg berani. Tidak peduli apa orang kata. Berani kerana benar dan
lakukan apa yang betul dan perlu. Tegakkan keadilan, lindungi dan memberi sokongan kepada
meraka yang lemah dan ditindas oleh kezaliman.

Pemimpin malaysia sekarang tidak seberani Tun. Mereka lebih mementingkan career politik
masing2. Meraka takut pada Amerika dan kuasa2 besar. Taring kita telah hilang.

Saya masih ingat lagi masa Tun menjadi PM, saya belajar di UK, semua orang yang saya temui
dari berbagai2 bangsa kenal Dr Mahathir, the prime minister of Malaysia. Semua pelajar2
Malaysia berbangga memiliki PM seberani, sebijak Tun, seorang yg tidak tunduk kepada tekanan
dari mana2 kuasa, bercakap dan melakukan tindakan yang betul dan tepat tanpa rasa takut demi
kebaikan dan demi kebenaran.

How we all wish we have someone who fits the same mould as a leader now, but alas, this is not
to be.

Cant current leaders just think like you do? What have they got to lose? Maybe they have too
much excess baggage preventing them to do what is right and noble !

By sainon  on December 30, 2009 6:49 AM

Nampaknya kerjaan kita pemimpin baru ini tidak faham faham raayat dah meluat dengan tingkah lakunya, banyak tomoan yang dilimpar oleh pembangkang tidak ambil kisah. Dia selesa dan selesa membuatkan raayat yang menyokongnya lama lama akan termakan harutan parti pembangkang.

Setelah kalah pilihan raya yang lepas kata nak kaji sampai ke akar umbi tetapi apa yang di buatnya tiada yang ada ialah membuatkan orang menjadi marah ,.

Orang marah ialah:-

1. Insuran motor buruk kegunaan orang tua nak pergi kemasjid atau kekebun dinaikan sampai 80 rm.

2.Kerta lama orang kampung nak kekebun dikenakan insuran tinggi nak kebandar diaorang pun malu.

3.Harga minyak dinaikkan menjelang hari raya.

4.Saya dapat risalah selepas menunaikan sembayang jumaat yang mengatakan Najib mendapat komisin dari pembelian kapal selam dan hilikpter berjuta berjuta dan komisin pembelian MIG dari rusia berjuta rm. Semua tumahan atau fitinah ini saya tunggu tiada komin dari pehak penerangan UMNO ATAS setiap tuduhan pembangkang UMON RILIX SAJA. Sekarang nak hapuskan mig dan nak beli kapal terbang dari Amarika pula kan dah nampak apa yang dikata oleh pembangkang adalah betul, mereka ni nakkan komisin seperti yang di katakan itu.

Saya rasa kerjaan perlu ubah sikap dan buat soal selidik diakar umbi tanya mereka apa yang tidak puas hati buat banci dari kampung ke mukim ke dearah dan kenegeri, kita ada ketua kampung ,penghulu , pegawai deaarah , menteri besar gunakan mereka,.

Orang muda skarang mengikut kata anak saya untuk mendapat sokongan orang muda masa kini adalah tipis, kalau 10 orang hanya 1 sahaja yang sokong. Ini yang perlu di siasat dan buat soal selidik dari setiap kampung.

Kalau tak faham saya terangkan macam ini, di setiap kampung ada ketua kampung dan ketua umno, suruh dia edarkan borang soal selidik adakah ia menyokong kerjaan atau tidak , kalau tidak beri sebab sebabnya, untuk menyenangkan borang tersebut telah siap dengan sebab orang tidak suka, seperti barang semakin naik, minyak semakin mahal, kerjaan mengamalkan rasuah,dan lain lain lagi. Kumpulkan borang tersebut oleh ketua kampung dan kumpulkan satumukim di pejabat penghulu. soal selidik ini kemudian dirumuskan di dearah dan seterusnya di peringkat negeri,. Jangan lupa buat soal selidik terhadap orang muda, sudah daftar mengundi ke tidak, .

Saya rasa kalau soal selidik ini tidak dibuat maka katakata yang nak siasat HINGGN KEAKAR UMBI ITU HANYA KATAKATA KOSONG SAHAJA.


By ayu_87  on December 27, 2009 3:02 AM

assalamualaikum Tun...

saya rasa apa yang disabdakan nabi 1400 tahun dah nampak dah.

sama-samalah kita berdoa semoga peperangan dengan Iran tidak berlaku. Kesian bila kanak-kanak cacat, jadi yatim piatu hidup sengsara akibat perang...

sedih rasanya tengok saudara seagama diperangi namun kita tak boleh nak membantu...

By nii  on December 26, 2009 9:59 PM

asamualikum tun
daripada kita bagi komen
bagus kalau kita ubah negara kita kepada negara maju
1. tukar pemikiran kita
2. kita cipta ekonomi kita dan manupalsi apa yang kita ada.
3. banyakan r&d
4. explore explore

By shamsul ariffin  on December 24, 2009 12:16 PM

Assalamualaikum Tun, referring to adam comment dated 20th dec 2009 regarding reduction of BN support putting the blame on your words.

Dear mr adam,
critics from outside does no damage but to rebuild what have been ignored and misconducted before. The intention was to regrow the party and government to be uncollapsible due to the rise of dark side (led by lord vader who loves the back side) .

one bad call of releasing this bugger from detention by our former PM caused nothing but trouble to many people .this bugger then has a chance of sitting to his parliamentary seat again.

Under good talking skills, this bugger played around with racism ideology, gained trust of people by giving them people false hope and created bunch of nuts followers. the followers who were elected by people are now flooding the Dewan rakyat talking nothing else but crap.

Tun was right by putting him in there, and i was sure that the bugger was more than happy to stay inside there surrounded by only guys. the intention was to do good deed to one old buddy but left everyone else in jeopardy. wasnt it idiotic??

Wasn t Tun right by criticising many of our former PM actions , who was always has ridiculous thought of being a mr clean in the face but greasy in the back?

Tun has predicted whats gonna happen when this lord 'backside' Vader becomes an economic advisor for selangor. This was not all, this bugger has intention to be the next PM while his obsessed phetatic followers gave him back false hopes. can u imagine what gonna happen when this bugger turns up to be PM. im sure we gonna have a new law of gay marriage. Then whats next? this bugger will claim himself as god (and we ll have another pharoah) and malaysia will have new religion.

was tun wrong when he critised the decision to call off the construction of 2nd Johore-Singapore link just because the singaporean asked a ridiculous price of water supply?

think about it bro

By Panglima Garang  on December 24, 2009 9:42 AM

Assalamualaikum Tun,

Saya sentiasa doakan Tun dalam keadaan sihat selalu dan dipanjangkan umur.

"Obama is Osama"

pada pandangan saya Obama ini tidak ada bezanya dengan mana-mana bekas presiden US, dan begitu juga gantinya nanti tetap akan sama kerana mereka akan mencari peluang lain untuk mempergunakan mana-mana negara yang dilihat sebagai ancaman dan berpotensi untuk di ambil segala harta kekayaan negara tersebut demi kepentingan negaranya, isu keamanan sejagat dan yang lain-lain dibelakangi, dan akan di provokasikan dengan bermacam-macam cerita memburuk-burukkan negara tersebut dimata dunia, bagi yang mudah tertipu dan termakan segala hasutan US akan sentiasa menyokong atau terpaksa menyokong.

Afghanistan diserang kerana mencari Osama yang percayai menjadi dalang serangan keatas menara berkembar WTC di bandaraya NEw York dengan menggunakan pesawat komersial, begitu juga dengan serangan keatas Pentagon, maka gemparlah seluruh dunia tentang kejadian yang dahsyat itu. Dunia mengetahui US sebuah negara yang maju dalam segala jenis penciptaan dan ketenteraan, amatlah sukar untuk dipercayai bagi mana Taliban dapat memboloskan diri dan berbuat demikian, berkemungkinan mereka sendiri (US) yang telah mengatur semua ini agar dapat menipu seluruh dunia dan dunia bermusuhan dengan Islam. Osama hanyalah rekaan mereka sendiri dengan lakonan yang meyakinkan dunia bahawa Osama masih hidup dan berkuasa serta mengetuai Taliban dan sampai sekarang masih belum ditemui, amatlah mustahil US tidak mampu menjejaki Osama kerana mereka memiliki teknologi yang canggih, camera yang dipasang pada setelit di angkasa lepas milik mereka dapat mengimbas objek sebesar bola golf di bumi dan teknologi-teknologi penjejak yang maju. Sedangkan Saddam yang bersembunyi di dalam tanah pun mereka dapat menjumpainya. Maka mungkin ada benarnya Osama adalah actor Hollywood yang direka untuk memporak-perandakan Dunia. Fikir-fikirkan lah..

wassalam.

By Zahidah Muhamed  on December 24, 2009 8:08 AM


Assalamualaikum Tun,

This is my first time comment on any blog. so I just make it short. You have set a very high standard for Malaysian Prime Minister. I can not see anybody that is as brave, genius and visionary as you are. Malaysia PM will be as coward as any other country when they are facing with Israel or America for a very long time. It is sad, but very true.

By mjp  on December 24, 2009 7:47 AM

Sebagai orang melayu kita sedih bila melayu=melayu tidak kira apa parti dah lupa sesama sendiri. Masing-masing lupa dengan keamanan dan keindahan negara kita MALAYSIA , yang dibina oleh orang melayu bina untuk orang melayu, ada orang melayu yang konon mendabik dada pemimpin islam sanggup membunuh sesama melayu demi nak politik dengan bangsa lain , sedih tengok orang melayu, tidak ada orang lain nak bantu melayu melainkan kita sesama melayu sedar akan keupayaan kita demi melayu itu sendiri. Ingatlah macam mana pun orang melayu itu tetap melayu tidak ada bangsa lain nak mengaku kita bangsanya, cuma orang lain mengaku masuk melayu sebab ada agendanya sendiri. Hancur MALAYSIA negara melayu sebab orang melayu di perbodohkan oleh orang lain kerana kuasa setelah kita gilapkannya di pesada

dunia suatu masa dulu. Patah hati dengan keadaan sekarang. Namun aruah bapa tetap melayu, tetap UMNO sampai aruah bapa meninggal walaupun beliau bersuara lantang untuk menguatkan UMNO dan Melayu itu sendiri

By SMR  on December 24, 2009 3:33 AM

Its the New World Order agenda Tun.

The NWO. By consent or by conquest. - Bush. This means, that if we oppose America, meaning we are their enemy. And we all know what America does with his 'enemies'.

By Maha Rulez  on December 23, 2009 10:36 PM

Salam Tun..

Sebagai seorang manusia yg waras, kita semua menolak semua jenis kekejaman dan kezaliman atas dasar apa sekali pun. Mereka-mereka yg menyokong tindakan AS serta Israel dan koloni2 zionis seluruh dunia adalah mereka yg seperti berikut:

1. Orang yg pemikirannya telah dibentuk oleh acuan barat. Bila negara yg lemah seperti dunia Islam ingin maju ke hadapan, akan timbul lah syak wasangka yg negatif di kalangan mereka.
2. Orang ini telah hilang sifat keperimanasiaan. Kebencian tanpa usul periksa dan dakwaan yg menyeleweng mudah menusuk dalam diri mereka.
3. Orang yg sinonim dgn gelaran 'kaki kipas'. Mereka akan terpaksa menjadi sesuatu yg sebenarnya tidak memenuhi kehendak hatinya demi mencapai apa yg dihajatnya.


Oleh itu, salahkah negara2 lain membina senjata utk mempertahankan negara mereka? Apa yg membezakan mereka drpd kuasa2 besar dunia? Ini langsung tidak adil... Kita lihat apa yg berlaku di Gaza, mereka tidak punyai apa2 utk pertahankan diri ketika diserang oleh Israel...yg menjadi mangsa adalah org awam sedangkan negara2 laknat tersebut menjadikan negara yg tidak bermaya sebagai ,medan menguji senjata mereka... Ayuh, bangunlah bangsaku... bukalah mata kita...pandang ke hadapan... jgn biarkan kita menjadi magsa mereka seterusnya...

By Mag58  on December 23, 2009 6:04 PM

Tun M,

Lojiknya,jika sesuatu benda kita simpan lama tanpa digunakan ia membawa beban kewangan yang amat besar.Tambahan pula,Amerika tidak akan tahu akan keberkesanan 'weapon of mass destruction'nya yang disimpannya bertahun-tahun itu.Jadi,untuk mengerakkan ekonomi Amerika dan untuk 'test power' keberkesanan senjata-senjata simpanannya,Amerika sudah tentu ingin mencubanya keatas sesuatu negara.Justeru,negara-negara yang mereka labelkan negara berpaksi syaitan lah yang mereka targetkan.....negara mana????Negara-negara yang kuat pegangan Islamnya saperti Iran,Iraq,Afganistan dan mungkin satu hari kelak akan berjangkit ke Tukminestan,Baluchistan,Bosnia dan tak terkecuali Indonesia dan Malaysia.Pasal tu lah kita ni negara yang nak dikatakan negara Islam,tak juga dan nak dikatakan negara sekular...tak juga ketakutan tak tentu hala.Kononnya kalau tak mengampu Amerika,satu hari nanti kena 'tenyeh'.Jadi Pak Menteri Najib,you as the PM representing our country(hope he is reading),be firm and don't let the USA determine what we need to say and do.North korea,Afganistan and Iran are label the Demonising axial countries but yet they keep doing what they feel is right to

progress and benefit their respective countries. Don't be afraid of this mighty country because we are so minute to them, even if we keep 100 unit of nuclear bombs, it doesn't matter to them. Like what Tun M had said in his initiating remark on this topic, with a single blow from them (USA), Malaysia, Iran or Afganistan will disappear from the world map. But do you think the other Mighty country like Russia, Germany, France will just smile seeing the USA action. Have our own stand and be strong to be heard. Don't be 'Pak Turut'.

By B0B  on December 22, 2009 5:03 AM

MY DEAR SIR,

All who affirm the use of violence admit it is only a means to achieve justice and peace. But peace and justice are non violence...the final end of history. Those who abandon nonviolence have no sense of history. Rather they are bypassing history, freezing history, betraying history. TQ!!!

<http://www.optinemailmarketingguide.com/>

By leo7  on December 21, 2009 10:07 PM

Tun Mahathir Muhamad,

Salam dengan sepenuh hormat.

Sememangnya kita perlu tukar. Kita tukar untuk penyesuaian masa dan keperluan. Samada untuk diri sendiri atau keluarga, masyarakat setempat atau negara.

Yang pentingnya adalah segala pertukaran yang kita lakukan, bukan di desak, di ugut atau di paksa oleh mana mana pihak atau mana mana kuasa dan pertukaran tersebut tidak mengkhianati ta'at kita terhadap negara, bangsa, agama dan batas undang undang yang telah tersurat. Segala pertukaran tidak menyusahkan mana mana pihak untuk mengutungkan segelintir.

Saya sedar lebih awal lagi bahawa apabila pelancaran " Green Book Plan " oleh Tun Razak serta " Dasar Ekonomy Negara " selanjutnya Matlamat 2020 oleh Tun sendiri memerlukan Malaysia bertolak ansor.

Disini lah terletaknya keutuhan sebagai sebuah Negara. Kemampuan Kepimpinan Negara bertolak ansor di peringkat forum International.

Mampukah Kepimpinan mempertahankan prinsip Negara atau menjual maruah demi mendapatkan sedikit pertimbangan dan nama yang murah di pasaran Antara Bangsa ?

Sebagai sebuah Negara kecil dan jika Kepimpinannya juga mempunyai hati yang kecil pastinya Negara akan ditelan gelombang pergerakan Capitalist dan kita akan terus di anggap sebagai "Fringe nation" dan di rantau ini perlu tunduk kepada Singapura dan Australia.

Aluan bahawanya Malaysia adalah sebuah negara " Moderate, Progressive Muslim Nation " dan menyokong Malaysia didalam perkara perhubungan negara negara Islam hanyalah segai sahelai tudung untuk mereka, Negara Barat, meneruskan agenda mereka menguasai semua Negara Negara Islam di dunia ini dan tiada lagi yang mampu bersuara untuk mengkritik atau menentang tindakan mereka. Barat akan terus memastikan tiada satu Negara Islam yang mampu mencapai tamadun yang mampu menyaingi mereka kerana kebangkitan Negara Cina telah menghakis

kedudukan mereka sama seperti apa yang telah dilakukan oleh Jepun da era lapan puluhan. Usaha Barat melumpuhkan Negara Jepun mengambil masa lebih dari sepuluh tahun dan untuk melumpuhkan Negara Cina mungkin akan mengambil masa yang lebih panjang.

Untuk melumpuhkan Jepun Barat menyokong Korea dan untuk melumpukan Cina, India disediakan untuk peranan ini.

Sambil itu Negara Negara Islam perlu di diamkan. Seketika dahulu, Libya,Iraq,Iran,Syria dan Malaysia sering menyuarakan bantahan di forum Antara Bangsa. Kini Libya dan Iraq telah sepi. Malaysia hampir sepi. Iran dan Syria akan di sepikan .

Kita tunggulah kebangkitan India menyusuli Korea manjatuhkan Jepun untuk mereka menjatuhkan Cina.

Inilah percaturan Capitalist dan mereka akan merubuhkan benting pertahanan setiap Negara terlebih dahulu dengan melemahkan semangat Patriotisma ia itu cinta kepada Negara. Kita dapat lihat apa yang berlaku di Negara kita sendiri betapa mudah mereka merencanakan tindakan mereka melalui agen agen mereka yang di semai sejak beberapa tahun yang lalu melalui " hate campaign " dan membentuk kumpulan NGO's khusus untuk menyokong usaha ini dan usaha ini tidak akan di hentikan sahingga Malaysia mendedahkan diri untuk di nodai ikut sesuka hati mereka sahinggalan Tanah Melayu ini menjadi kering kontang baru lah sebahnya di buang.

Apabila ini berlaku kita harus menyembah Tok Guru Nik dan berterima kasih kepadanya kerana tidak mernerima orang melayu yang menyokong UMNO dan tadak bersetuju yang Melayu Pas dan Melayu UMNO duduk bersama untuk merancang orak langkah menangkis serangan Capitalist ini untuk memastikan kita dapat terus menjadi sabuah Negara Islam yang benar benar Merdeka dan maju.

Kita perlu berubah menepati keperluan masa dan kepentingan tetapi kepentingan itu hendakalah yang baik untuk Rakyat dan Negara bukan nya untuk mereka yang bertuhan kepada wang dan ringgit.

By FAUDZI  on December 21, 2009 1:15 PM

Salam TUN dan semua

Apa yang berlaku sekarang ini adalah kerana semua umat manusia diatas dunia ni terpegun dengan Barrack Obama dan merasakan Barrack Obama seolah2 dewa yang baru muncul untuk menyelamatkan dunia. Tetapi dari pemerhatian saya Barrack Obama adalah seorang politikus yang licik yang muncul dikala orang2 putih US sudah muak dengan bangsanya sendiri terutama George Bush yang telah membuat begitu banyak kerosakan kepada negara dan dunia. Justeru itu dalam pemilihan presiden yang lepas Barrack Obama dipilih kerana disebabkan krisis keyakinan terhadap orang kulit putih.

Senario yg sama berlaku pada Indonesia selepas Presiden Suharto dimana Gus Dur yang buta dipilih kerana merasakan sibuta dapat menyelamatkan negara Indonesia dan yang nyatanya semua orang tahu.

Situasi serupa juga berlaku di Malaysia diaman zaman pemerintahan Dollah Badawi dianggap begitu teruk dan membosankan maka rakyat telah menolak beliau dengan harapan baru akan muncul.

Dizaman Ds Najib ini saya berpendapat keadaan semakin lebih stabil tetapi dasar2 luar Malaysia terutama dgn US hendaklah lebih berhati hati kerana US dizaman Barrack Obama nampaknya jauh lebih licik daripada zaman presiden yg terdahulu ini kerana cara obama nampak lebih prihatin terhadap keamanan tetapi yg nyatakannya beliau lebih menjurus kepada menjatuhkan pemimpin negara luar melalui forces dalaman, ini dapat dilihat cara beliau mengkucar kacirkan IRAN melalui demonstrasi yang mana saya yakin ianya di dalangi oleh US.

Malaysia dalam hal ini nampaknya terperangkap dengan mainan Barrack Obama yg mana pada awal pemerintahannya beliau mengajak semua negara islam berbaik2 dengan beliau dan setelah usahanya tercapai maka IRAN seolah olah keseorangan dalam hal ini dan ini memudahkan beliau menjalankan vision beliau untuk menghancurkan atau memberi tekanan yang sewajarnya kepada IRAN.

JUstifikasi TUN memang tepat dan apa yang mampu kita berbuat?? kerana kita lemah dan senang diperkotak katikkan

wassalam

By [mizan](#) on December 21, 2009 8:16 AM

assalamualaikum Tun

saya bersetuju dengan pendapat dan pandangan Tun, sememangnya dunia barat selalu mencari alasan untuk menekan dunia islam ...dan kita selaku negara yang pernah mendapat penghargaan sebagai negara islam contoh, tidak wajar dan tidak patut membuat sebarang kenyataan ataupun keputusan yang menyokong sebarang polisi mengarut barat....

saya sedih Tun....kecerdikan dan ketegasan Tun dalam pentadbiran tiada penganggi.....

By [B0B](#) on December 21, 2009 5:05 AM

Yg Berbahagia TUN & FAMILY,

The civilized islamic society should be a collection of communities where every member has a right to belong. It should be a place where every man feels safe on his streets and in the house of his friends. It should be a place where each individual's dignity and self-respect is strengthened by the respect and affection of his neighbors. It should be a place where each of us can find the satisfaction and warmth which comes from being a member of the community of man. This is what man sought at the dawn of civilization. It is what we seek today. Terima kasih.....!!!

<http://www.getb2becommerce.com/>

By [S..Tan](#) on December 21, 2009 1:13 AM

Dear Tun, salam sejahtera harap sihat sekeluarga. Kiriman saya untuk seri tajuk ini dgn izin...

.....THE NUCLEAR DILEMMA

Memang Iran ditindas dalam hal senjata nuklear. Tapi jangan lupa tentang Korea Selatan? Kalau sokong Iran, sokong Korea Selatan! Jika Iran boleh, Korea Selatan pun boleh.

.....SANCTION

M'sia tak pernah sokong 'sanction'? Cuba senam akal. 'Boycott US', 'buy British last', 'look east' adalah titik dan benih 'sanction'!

.....CRIMINALISE WEAPONS OR WAR

Kalau mahu konsep perang dianggap jenayah diutamakan, kesalahan menambah senjata nuklear harus diutamakan. Mana keserasian negara bebas bersenjata nuklear dgn menjenayah berperang? Mrk boleh jadi abang adik?

Tit for tat, an eye for an eye is part of resolutions to criminalise war?

.....YES NO MAYBE

It may be premature to support the resolution, but it is definitely presumptuous to vote against it. If we are not sure of Iran's intentions, abstain would be better.

.....PRECEDENT

Defending Iran's right to nuclear armament is a dangerous precedent for other nations. A maverick diplomat can be recalled, but one residing in a blog has no recall option!

By AM.Razlan  on December 20, 2009 9:25 PM


Kalau kata pasal dasar luar kita yang dikatakan oleh Y.A.Bhg Tun telah berubah, cuba kita imbas kembali sejarah penubuhan negara. Di awal penubuhan Malaysia(Tanah Melayu), dasar luar kita condong ke arah Barat...tetapi selepas itu, kerajaan pada waktu itu berubah ke arah dasar terbaik-terbaik dengan semua negara kecuali ISRAEL Zionis.

Maka apabila timbul soal ini, kita perlu berfikir dengan sewajarnya... adakah benar negara kembali menyokong Blok Kapitalis ini? adakah kerana Barack Obama menjadi Presiden, maka kita merasakan beliau tidak mengikut jejak langkah George W. Bush dan barisan Presiden AS sebelumnya?

Kita mesti ingat, kemenangan Obama mempunyai kaitan yang rapat dengan Yahudi Zionis...Jika beliau tidak berpihak kepada Israel, maka beliau tidak berada di atas pentas sebagai Presiden AS.

Izinkan saya menyentuh mengenai tahap atau corak kepimpinan DS. NAJIB. Beliau dilihat terlalu cepat dan pantas membuat perubahan dalam dasar kerajaan di mana-mana peringkat...Contoh terbaik ialah dalam isu PPSMI, kerajaan hanya disebabkan oleh sedikit tekanan daripada GMP, terus memutuskan untuk memansuhkan dasar PPSMI ini...Saya merupakan salah seorang drpd ratusan ribu pelajar yg mengikuti dasar PPSMI ini...pada pendapat saya, tindakan kerajaan memansuhkan PPSMI di semua peringkat sekolah(rendah& menengah) adalah tidak wajar...Sebaliknya, saya berpendapat ianya hanya perlu dimansuhkan di

peringkat sekolah rendah, dan diteruskan di peringkat menengah, matrikulasi sehinggalah ke universiti. Ini merupakan pengalaman saya kerana saya mula mengikuti PPSMI ini di peringkat menengah.

By thebigdipper  on December 20, 2009 7:54 PM

Aslmkm Tun,

Kita pernah berharap, dan begitu banyak negara lain juga pernah berharap akan perubahan yang drastik pada dasar-dasar Amerika apabila Barack Obama menjadi presiden. Tetapi sekarang semakin jelas, harapan hanya tinggal harapan.

Tidak kira apa warna sekali pun kulitnya, orang yang menjadi presiden Amerika tidak akan terlepas dari cengkaman orang Yahudi.

Saya juga terkejut apabila duta kita dipanggil balik kerana tidak menyokong dasar kerajaan Amerika supaya tindakan dikenakan terhadap Iran di atas tuduhan-tuduhan yang jelas palsu disebabkan desakan negara Israel.

Nampaknya di bawah Najib Malaysia tidak boleh lagi dianggap sebagai sebuah negara yang Islam yang contoh. Malaysia juga sekarang akur kepada kehendak Amerika dan dalam hal ini sebenarnya kehendak Yahudi.

By nasimjailani  on December 20, 2009 7:17 PM

SALAM TUN,

SAYA RASA KEMUNGKINAN BESAR MENTERI DALAM NEGERI MEMANGGIL SEMULA DUTA KITA DARI PBB DISEBABKAN BELIAU TIDAK MENYOKONG RESOLUSI TERSEBUT. INI MUNGKIN DISEBABKAN JIKA KITA MENCAMPURI ATAU TIDAK MENYOKONG SEGALA KEPUTUSAN AMERIKA DAN SEKUTUNYA MAKA KITA TIDAK LAYAK UNTUK MENJALANKAN "AFTA".

TUN TIDAK PERLU RISAU KERANA ANAK-ANAK MUDA YANG BERADA SEMASA KEPIMPINAN TUAN TELAH BANYAK MENGIKUTI JEJAK LANGKAH DAN NASIHAT TUN UNTUK MEMELIHARA DAN MENJAGA NEGARA.

PERLU DIINGATKAN BAHAWA ANAK-ANAK MUDA PELBAGAI BANGSA TIDAK AKAN GENTAR UNTUK MENYOKONG, MELAKSANAKAN DAN MEMELIHARA NEGARA INI DARIPADA MEREKA YANG TELAH "KORUP".

DIKESEMPATAN INI JUGA SAYA INGIN MENEGASKAN BAHAWA UMNO=BN, DAP, PAS DAN KEADILAN AKAN PUPUS SERTA PILIHAN RAYA AKAN DATANG MENJADI SEJARAH JIKA PIHAK PIHAK POLITIK INI TERUS MEMAINKAN RENTAK RASUAH, PERKAUMAN, AGAMA DAN SOAL SISTEM RAJA DINEGARA.


By AmanMalaysia  on December 20, 2009 2:36 PM

Salam YBHG TUN,

Saya dapat membuat kesimpulan yang DSN ingin membina repo diantara dia dan Barack kerana pada persidangan yang lepas Barack tidak menunjukkan minat terhadap dia. Dan DSN takut dia tidak dapat pengaruh dari US dari segi ekonomi dan suara mengenai isu semasa seperti ketika

pentadbiran Tun dahulu. DSN doesn't have a lot of options and doesn't seem to know what to do. Please guide him Tun.

<http://blogs.cjb.net/AmanMalaysia/>

By ex-sic  on December 20, 2009 11:51 AM

Tun yang dihormati

Pada pendapat saya, dasar luar kita telah banyak berubah berbanding dengan era Tun dahulu. Pada waktu itu dasar luar kita lebih konsisten dalam mempertahankan negara-negara yang telah ditindas oleh US dan sekutu-sekutu rapatnya tanpa rasa takut. Beberapa kali negara kita diancam oleh kuasa besar tersebut, namun kita tetap bertahan sehingga negara kita dihormati oleh banyak negara.

Sewaktu kepemimpinan Tun Abdullah, dasar luar yang dibawa oleh Tun telah berubah sama sekali. Malaysia tidak lagi aktif memainkan peranan dipentas dunia mempertahankan negara-negara Islam yang ditindas. Malah Malaysia dilihat begitu sederhana dan adakalanya mengalah dalam banyak aspek yang berkaitan dengan kepentingan negara. Suara Malaysia tidak lagi digeruni oleh penindas.

Pada zaman DSN sekarang ini, dasar luar Malaysia masih lagi pasif dalam mempertahankan negara-negara Islam yang ditindas. Sebagai contoh sepetimana yang dilaporkan oleh akbar berbahasa Inggeris, yang mana duta telah dipanggil balik kerana telah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan dasar kerajaan.

Dalam membicarakan perihal KJ pula, saya amatlah berharap agar DSN tidak melantik beliau sebagai TM. UMNO yang masih lemah dan dalam proses untuk kembali kuat akan terhumban sekali lagi jika KJ dibawa masuk dalam kerajaan. Ramai orang yang mengetahui disebalik kemenangannya sebagai Ketua Pemuda Umno dulu. Kita tidak memerlukan orang seperti beliau untuk menjadi pemimpin pelapis UMNO.

By Adam  on December 20, 2009 11:02 AM

Unfortunate enough,

The supports for BN has decreased tremendously, from approximately 40% the last time you praise Najib, to only not more than 30% now. BN will have deathspell if they go for any election, except if the election is held in either Johore, Negri Sembilan, or Melaka. All the online poll seem to favor PR, and there is significant rise of supports.


I think Tun, your critics on UMNO has done much damages to UMNO. **That was why I said, your influence could destroy UMNO from outside.** If Nazri still does not realise this, then he will be in trouble. No, not just him. But UMNO.

Was it a mistake Tun? to post it out here? or was it with intent? either way the damages has been done.

By Ninja3188  on December 20, 2009 10:12 AM

It is a complicated issue to take sides in this matter. I am not so sure as you seem to be, that the USA is all-bad and Iran is all-good. Nuclear proliferation isn't a zero sum game. I understand that the US really is on a hiding to nothing when it takes the moral high ground since it is the only country in history to have used nuclear weapons in anger (Hiroshima, Nagasaki), whereas nobody else has, especially not Iran. However, if Malaysia adopts a policy of opposing everything the US stands for on the predication that she is always evil no matter what, then in the interest of balance, shouldn't Malaysia's support for Iran (and indeed other so-called oppressed nations) be subject to the same rigours of policy debate? In other words, prove beyond reasonable doubt that Iran's own nuclear program is entirely for peaceful purposes and not otherwise? If we cannot do this, then what exactly is Malaysia defending and what is she opposing?


I'm not taking sides in this debate; just merely interested to learn what the nub of the incessant objections are to the US and to all Western democracies in general?

By jacklangkawi  on December 20, 2009 7:03 AM

I don't think US prevent the usage of the nuklear is unacceptable. Just imagine if every country can do that, and just may be one of the small country abuse it, how terrible the consequence will be.

Ragarding the descrimination in Malaysia, we can't deny that's happening. There are just so amny regulations that as Malaysian non-bumiputera can't question. We gain our independence long time ago. We have the agreement that Malays and bumiputera have the "special right" like buying house and stuffs like that, but this happen in 1957. We need to open our mind and just have a look on UK or US govern system - each and everyone of us have ther equal rights.


Malaysia is just moving too slow in that sense. In the UK, mix race marriage is 1 in 7. Malaysia???????

By adik adik  on December 20, 2009 6:53 AM

I am very much amazed of US and their Allies nuclear and weapons of mass destruction.

It is meant for goodeeds,peace and harmony,and their weapons are able to identify and kill the bad guy,the bullets,their chemicals will not affects the good guys..Fascinating technology.

United Nation is an evil organization to acknowledge such lies of US influential stands.United Nation NOW belongs to US, at the expense of the World.Seems the world leaders is progressively becoming an idiot to accept UN resolution of US influence.

By Juang  on December 20, 2009 5:59 AM

Surat Al Fiil (Surat Gajah)

1. Apakah kamu tidak memperhatikan bagaimana Tuhanmu telah bertindak terhadap tentara bergajah?
2. Bukankah Dia telah menjadikan tipu daya mereka itu sia-sia?,
3. Dan Dia mengirimkan kepada mereka burung yang berbondong-bondong,

4. yang melempari mereka dengan batu dari tanah yang terbakar,
5. lalu Dia menjadikan mereka seperti daun-daun yang dimakan.

2 haiwan telah dikaitkan iaitu gajah dan burung. Cuba buat perbandingan sifat2 dua haiwan itu.

1) Gajah

- berat
- lembab pergerakannya
- terbatas atas tanah

2) Burung

- ringan
- pantas pergerakannya
- boleh bergerak bebas dan luas

Daripada kisah itu, burung2 tersebut berjaya mengalahkan gajah2 walaupun gajah2 itu dari segi fizikalnya lebih besar berbanding burung.

Cuba kaitkan sifat2 haiwan itu dengan diri manusia. Kaum yang pemalas (berat tulang) berfikir, lembab otak dan terbatas pemikiran pasti akan kalah dengan kaum yang rajin (ringan tulang) berfikir, cerdas otak dan bebas dan luas pemikiran.

Lihat apa yang berlaku di antara Israel dan Arab sana. Walaupun Israel itu kecil, tetapi oleh kerana mereka adalah kaum yang rajin berfikir, berilmu sains dengan memiliki teknologi, mereka mudah menguasai orang2 Arab yang ramai dan besar2 negaranya.

Orang Israel itu telah membuktikan kebenaran surah Al Fiil itu agar orang Arab insaf kembali kepada Al Quran sahaja, bukannya guna kitab2 selain Al Quran untuk dijadikan peraturan hidup.

Apabila manusia mengada-adakan sekutu selain Tuhan untuk mengatur hidup mereka (peraturan yang tidak selari dengan peraturan alam), maka manusia juga yang dapat mudaratnya. Hidup mereka pasti berpecah-belah sesama sendiri, kerana taksuf pada golongan agama mereka.

By moreza  on December 20, 2009 1:57 AM

Assalamualaikum Tun,


Selamat Ulang Tahun ke 84...semoga tuhan memanjangkan usia Tun dan mengurniakan nikmat kesihatan untuk Tun sekeluarga.

Hanya tuhan yg mampu membalas jasa-jasa Tun sekeluarga kepada kami rakyat malaysia...Terima Kasih Tun.

Kami berdiri teguh di belakangmu bersedia untuk berjuang demi agama,bangsa dan negara..Wasalam.

By PetSON  on December 19, 2009 11:50 AM

Panggil je balik duta DS Dr JJ kat US tu. Buat habiskan duit rakyat jer hantar dia ke sana. Kalau setakat nak sokong policy US yang kita dari dulu lagi tak setuju iaitu nak jadi polis dunia. Tak perlu hantar Dr JJ hantar budak tadika pun ok surug setuju jer dengan policy US. Dasar luar US sememangnya tak ngam dengan kita.

By MAZAI  on December 19, 2009 8:49 AM

YANG BERBAHAGIA TUN,

SALAM TAHUN BARU MAAL HIJRAH 1431,

LAZIMNYA APABILA MENYAMBUT KEDATANGAN TAHUN BARU KITA MEMBUAT PROGRAM-PROGRAM YANG MENJURUS KEPADA MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN UMAT. PERPADUAN UMAT PENTING DALAM SUASANA ISLAM DAN PENGANUTNYA SERING DIANCAM DAN DITEKAN. BEGITULAH LUMRAH MANUSIA TIDAK SENANG DENGAN KEBENARAN SEBALIKNYA KITA LEBIH SENANG DENGAN REKAAN DAN KHAYALAN MANUSIA.

MALANGNYA SESAMA UMAT ISLAM SENDIRI TIDAK SENANG DENGAN MEREKA YANG MENEGAKKAN KEBENARAN. APATAH LAGI KALAU KEBENARNA ITU BERADA DIPIHAK SAUDARA-SAUDARA KITA YANG LEMAH.

KITA SERING MENYOKONG MEREKA YANG KUAT DAN KAYA BUKAN KERANA KEBENARANNYA TETAPI KERANA KITA TAKUT TIDAK DISENANGI OLEH MEREKA. JUSTRU WALAUPUN YANG KAYA DAN KUAT ITU TERANG-TERANG MENINDAS SAUDARA KITA YANG LEMAH KITA BUKAN SAHAJA TIDAK BERANI MEMBANTAH MALAHAN SECARA TERANG-TERANG KITA MENYOKONG MEREKA. KITA SEBENARNNYA TELAH MEMBANTU MELEMAHKAN DIRI SENDIRI DAN SAUDARA KITA SENDIRI. KEADAAN INI BUKAN SAHAJA BERLAKU DIPERINGKAT ANTARABANGSA MALAHAN BERLAKU DIDALAM NEGARA KITA SENDIRI. KITA UMAT ISLAM DIMALAYSIA MENJADI SEMAKIN LEMAH BUKAN SAHAJA KERANA KEAGRASIFAN PIHAK LAIN TETAPI AKIBAT DARI KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH KITA SENDIRI.

OLEH ITU UNTUK MASA-MASA KEHADAPAN SAYA BERHARAP PEMIMPIN-PEMIMPIN KITA HAYATILAH FIRMAN ALLAH INI:

" Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim."

AYAT 9 - Surah Al-Mumtahanah

By kamal ahmad  on December 18, 2009 10:31 PM

Salam kasih dan salam hormat Ayahanda Tun.

Rata-rata komen disini tidak berpuas hati dengan sistem pentadbiran kerajaan hari ini. Komen dari dr.nurdin jauh mendalam informasinya. Pak Lah digantikan dengan Najib, tetapi kerangka kerja UMNO, Kerajaan dan Media masih dalam genggaman AJK T4. Di sebabkan itu Najib hanya mampu laungkan slogan itu ini sahaja. Setiap detik - setiap kitaran hari, Khairy sedang menunggu peluang untuk lonjakkan terakhir beliau dalam UMNO. Selepas ini beliau akan berpolitik cara Pakistan. Hari ini saya baru selesai berjumpa beberapa ahli perniagaan dari KL. Secara purata 7 dari 9 orang menolak BN dan 5 dari 9 tadi menolak UMNO juga. Sesuatu mesti

dilakukan dengan lebih hebat oleh Najib selaku PM. Kembalikan kekayaan negara kepada rakyat. Bagi rakyat rasa. Masih lagi ada nak cakap naikkan harga letrik, masih lagi kedengaran pemandu teksi mengadu RM40 sehari selama 7 - 9 tahun pembayaran kepada agensi demi mencari rezeki bawa teksi. Kos hidup terlalu tinggi. Tidak seimbang dengan tahap pencapaian pendapatan rakyat lagi. Minyak naik 40% ditangan Pak Lah adalah pemusnah terbesar ekonomi negara kita selepas George Soros. Sampai ke hari ini damage control tak juga mampu lagi berbuat banyak membaikkan. Jika isu ekonomi domestik tidak diambil perhatian serius, saya rasa ini adalah penamat bagi UMNO dan BN pada PRU13. PM patut dengar CEUPAC bersuara, jangan sombong dengan mereka, jangan sombong dengan sesiapa pun dalam hidup ini. Sebagai manusia yang insaf dan arif, kita akan sedar kekerdilan kita sebenarnya. Sebagai orang UMNO saya berasa risau kepada hakikat ini Tun. Semoga keadaan ini akan berubah. Selamat malam Tun. Wassalam.

By asi  on December 18, 2009 9:20 PM

Dear Tun,

Forgive me if I say that you are not happy with the present government on certain policies and UMNO leaders. Like wise, people like me and many others feel the same too. Hari ini memertabatkan Bahasa Melayu, lepas tu galak menguasai bahasa Manderin. Hari ini cakap fasal 1 Malaysia, pada masa yang sama, biarkan masing-masing memperkokohkan keprabadian bangsa sendiri. Otak orang biasa jadi binggong, tak tahu yang mana satu nak ikut. Akhirnya binasalah kita. Many of the present political leaders are pampered lot. Tidak mengerti keperluan hidup sebenarnya, the struggle to survive. Tak hairanlah sokong US dalam isu nuklear Iran.

By HAZLIZA  on December 18, 2009 8:30 PM

Tun,

a lot of comments refer to your post...
it means that setiap org prihatin kepada Tun...

rgds,

MHI

<http://hazri-liza.blogspot.com/2009/12/movable-lego.html>


By HouseWife™  on December 18, 2009 8:23 PM

Assalamualaikum Tun,

Pasal Barack ni memang saya dari awal lagi memang tidak percaya langsung seratus peratus..kulit putih ke hitam ke coklat ke kuning ke biru ke kalau dah dari Amerika tu sah pandai cakap manis, pandai ambil hati dengan ucapan dan kata-kata yang sedap di dengar tapi kaki putar belit. Baru setahun jagung pegang kuasa dah dapat nobel peace prize!..haha kelakar sungguh. Apa perubahan keamanan yang dah dia buat pada dunia ini lebih-lebih lagi di Palestin, Iraq dan Afganistan? Memang geli hati bila dia sendiri beri gred B+ boleh dapat anugerah terhebat di dunia ni. Budak universiti nak dapat anugerah cancelor emas or something like that pun mesti dapat gred A++ kan. Saya pun hairan kenapa duta kita di panggil balik. Agaknya ada habuan kot kalau bagi sokongan. Entahlah pandai-pandailah kerajaan sekarang ni jaga Malaysia jangan tergedai sudahlah.

Sepatutnya Tun yang di beri perhormatan menerima anugerah tersebut kerana Tun telah beri segala tenaga masa dan usia Tun untuk keamanan dunia. Takpele Tun janji kerja ikhlas akan dibalas dengan pahala di akhirat.

Salamat Maal Hijrah dan Semoga Allah Lindungi Tun sekeluarga.

By HM Lim  on December 18, 2009 8:09 PM

Dear Tun

I like to watch Singapore Movie especially those directed by Jack Neo, there are really funny, sometime those actor will critic their government policies with a very humourous way. (to bad it in chinese, if someone care to do a dubbing in Bahasa Malaysia, i am assured our non chinese speaking friend will have great laught.

Kesedaran masyarakat barat bagaimanapun telah mula meningkat bahawa kerajaan mereka telah bersekongkol atau di manipulasi oleh penganas Zionist. Rakyat British umpamanya telah mengeluarkan waran tangkap sebulan yang lalu terhadap Tzipi Livni iaitu bekas menteri luar Israel yang ingin melawat British kerana menyerang penduduk Palestin dan jenayah perang pada awal 2009, Ini menyebabkan Livni membatalkan lawatan tersebut dua minggu yang lepas.

Banyak pertubuhan NGO barat bangkit memperjuangkan hak rakyat Palestin untuk hidup seperti manusia dan kembali memiliki tanah dan rumah keluarga atau nenek moyang mereka yang telah dirampas oleh Israel. Web-web memperjuangkan hak Palestin tumbuh macam cendawan walaupun ketua-ketua negara mereka masih kecut telur untuk bercakap benar.

Iran adalah jiran Israel yang jelas memaklumkan mereka anti penjajahan negara Palestin dan sedang membina loji nuclear untuk tenaga elektrik. Kepandaian nuclear adalah amat merisaukan Israel dan mereka seperti biasa memanipulasikan kekuasaan PBB dan USA dengan berbagai helah, tekanan, kekangan malah sanggup menipu seperti kes peperangan di Iraq untuk melemahkan sesiapa sahaja yang anti keganasan dan penjajahan penduduk Palestin.

Di Malaysia kesedaran ini tidak besar, manakala bagi kerajaan risiko dan kosnya sangat tinggi untuk bercakap benar seperti yang dihadapi oleh Iran atau yang telah dilalui oleh Iraq. Saya sebagai rakyat Malaysia pun ingin mendengar penjelasan dari duta kita kenapa beliau berani bercakap benar dan dari kerajaan kita kenapa kita dah kecut telur?

Wassalam
Machangsedap

By noorfaiza  on December 16, 2009 1:07 PM

Salam Tun,

Dasar luar negara kita sekarang memang bukan lagi aspirasi rakyat.

Di mana kedudukan kerajaan kita dalam isu menjenayahkan perang, isu air dengan Singapura, isu Palestin yang semakin hilang dari di juarai Malaysia dan banyak lagi isu dah berkubur begitu sahaja.

Malaysia dah tak macam dulu. Kita jauh kebelakang sebab pemimpin kita tak ada pendirian.

Inkah keraaan 1Malaysia?

By OrangLama  on December 16, 2009 12:44 PM

Salam,

Ada beberapa perkara yang mungkin sangat sukar Dato Najib nak buat keputusan dalam keadaan tersepit tengah2

1. *****Dasar Luar dengan Amerika***

Malaysia perlu maju ke hadapan dari segi ekonomi. Amerika buatt macam2 masalah kat malaysia. sekat ekpot malaysia ke Amerika dan rnegara rakan Amerika. Amerika bagi sokongan kewangan dan pelbagai kaedah melalui Pakatan Rakyat dan lain2 untuk tumbang BNasional.

Tapi Tun berjaya pula lalui masalah ini dulu walaupun Malaysia dibawah Tun dikatakan bermasalah dengan Amerika, Britain dan Australia.

2. *****Projek 1Malaysia*****

!Malaysia dah mula nampak hasil sikit. Bukan melayu mula bagi sokongan kat BNasional. Masalahnya pula Dato Najib takut buat kesilapan bagi terlebih2 kat kaum Bukan melayu, sampai orang melayu marah pula. Ingat Pak LAh bagi kebebasan kepada media sehingga tak terkawal sampai sekarang, sehingga menyusahakna pentadbiran Pak Lah sendiri.

3. ***Nak buang pemimpin rasuah takut kena boikot pula****

Kebanyakan Pemimpin BNasional yang ada sekarang lebih pejuang perut masing2 dari pejuang

Parti.(mungkin ini maksud Tun: UMNO busuk hingga ke ususnya?)Bukan Dato Najib tak nak buang tapi susah lah! Ini penyakit UMNO paling susah nak buang kecuali UMNO kalah sepenuhnya PRU akan datang. Tak de kuasa dan tak de duit, baru boleh melakukan pembersihan seputih2nya. Tak payah tuang clorox lagi. Kuman2 dah lari cari rumah baru.

Jadi depa mungkin sanggup perkena Dato najib untuk jaga perut masing2. Depa sanggup buat perkara yang tak disangka2 oleh kebanyakan rakyat biasa demi nak jaga perut masing2. Yang aktif politik tahu lah apa yang tak disangka2 ini. Siapa tak faham cuba

*****Kesimpulan***

Aduih!!! Susah rupanya nak jadi Presiden UMNO merangkap Presiden BNasional dan Perdana menetri Malaysia. Disinilah saya katakan Tun hebat selama 22 tahun bukanlah senang.

By zramli  on December 16, 2009 12:43 PM

Salam Ayahanda Tun...

Teruskan perjuangan mu....

By Asvocalasyou  on December 16, 2009 12:41 PM

Tun,

- 1)Of course,certain things have changed.
- 2)Najib n Obama now rule Malaysia n USA respectively.
- 3)Experienced and intelligent leader like you should not be disappointed if reality does not match your wishes and expectation.
- 4)Before they won and took office,many would have state many noble statements to win votes.
- 5)Eg.in SEA,the main theme is to wipe out corruption but has it improved much? Some pleaded more time.It is a lot of hot air.
- 6)But as soon as they settle into job,the water will find its level,that is why "Obama is far change".
- 7)It is easy for people to comment from a distance but when that person is "in" that position,he behaves differently.See,when you are "in" power,people walk with their tails tug in between their legs but they up you as soon as you gave up the power.That's why you riled up so much.
- 8)You had experienced it before as you complained that people you had selected always turned out to be otherwise.
- 9)Why others can have but Iran cannot?Your argument is biased in that it is based on religion and not between East and West.My instinct tells me that I have no faith in mankind but between the devil and deep blue sea,I rather pick the group which have only used twice.
- 10)So far,it was used in a massive scale but does she deserve it?
- 11)My answer to that is yes as she tried to "eat" up her neighboring countries and causing so much misery to others.It is good to have a samaritan to come to the resue.You argue that government and people is a separate but it is always interrelated and after all who places the government there?
- 12)You can also see for yourself elsewhere in that some play the rhetoric that it is sovereign and others should keep out of it and bully their own people.These result in human sufferings and economies in ruin.
- 13)I would not shed a drop of tear for these tyrannies as they deserve for what they had sowed.
- 14)You also implied that unfairness.Well I have this to say in that you had supported an unfair policy through your 22 yrs rule and hook-winked the people it is fair even to the extent that the

human capital development of other minority races have to be slowed or sacrificed. What would you think as a parent?

15) The issue of possession of nuclear arms is of display of military might before the engagement of a fight/war. I see no end to this as this a front line issue just like a game of chess constantly jostling for position until checkmate.

By t.ismail on [December 16, 2009 12:39 PM](#)

YAB Tun.... assalamualaikum,

Saya bersetuju dgn pandangan Tun, adakah pemimpin kita sekarang yakni Najib takut pada Amerika... Adakah Najib seangkatan dgn Anwar?

By pedang timur on [December 16, 2009 12:30 PM](#)

Salam Tun yang disanjung,

Ini merupakan kali pertama saya komen entry Tun. Memang tidak adil untuk negara seperti Iran dinafikan kemahuan mereka untuk memiliki tenaga nuklear. Apa yg sy dpt lihat, Iran merupakan negara kerdil yang berani menentang US dan sekutunya Israel. Sy berpendapat kebolehan negara Islam seperti Iran mampu membangunkan teknologi nuklear menggerunkan US dan Isreal. Apa yg saya takutkan nanti, sekatan terhadap Iran akan melumpuhkan kekuatan Iran sekaligus nasib mereka menjadi seperti Iraq. Saya amat tidak bersetuju sekiranya kita menyokong sekatan terhadap Iran. Janganlah kita hanya melihat Iran memiliki nuklear hanya untuk berperang. Mereka berhak untuk membangunkan teknologi pertahanan mereka sekiranya diserang. Kita juga perlu lihat dari persepsi keperluan penjana tenaga elektrik untuk negara Iran. Saya difahamkan Iran membangunkan tenaga nuklear untuk menjana tenaga elektrik. Adakah benar? Adakah Iran kekurangan sumber yang boleh digunakan untuk menjana tenaga elektrik seperti negara kita iaitu menggunakan arang batu, hidroelektrik dll?? Sekian Tun...

By sudin_nusajaya on [December 16, 2009 12:15 PM](#)

Salam TUN...

Apabila dasar memartabatkan negara YAHUDI menjadi asas halatuju Pemerintahan Amerika. Seribu Presiden bertukar pun perjuangan mereka tetap sama dan ketetapan ISLAM adalah musuh no 1 mereka. Walaupun Presiden mereka ISLAM, dasar yang mengikat menjadikan Presiden tersebut hanya boneka.

kapitalis dan pemegang kekuatan ekonomi merupakan perencana kepada jalatuju berikutnya. Dasar-dasar ditentukan oleh mereka ini. Mereka boleh membuatkan satu-satu Presiden diangkat atau digugurkan.

Di Negara ini juga sudah mula nampak unsur-unsur Amerika sudah mula menular. Doktrin perjuangan yang di bawa DSAI sudah mula menyerapi corak berpolitik di negara ini. Yang kaya dan kuat boleh meletakkan pemimpin kesukaan mereka. Pemimpin dikawal dengan duit. Dasar dibuat berteraskan kepentingan kekayaan dan meningkatkan kekuasaan.

Dakyah ekteremisme di manipulasi oleh DSAI melalui Amerika dengan dengan menonjolkan icon-icon hebat seumpama super HERO dalam memperjuangkan satu-satu kumpulan. DSAI melalui ABIM dilihat lebih islamik agar kata-katanya boleh dianggap fatwa. begitu juga tok guru Nik Aziz mampu melaksanakan doktrin Yahudi ini dengan menjadi icon terlalu maksum.

Agama dan bangsa dimanipulasi menjadi senjata untuk memporakporandakan kesatuan. IRAN tidak terkecuali. Yahudi menaja kelompok berhaluan kiri bertindak seperti HERO memperjuangkan hak rakyat dan kumpulan dengan menimbulkan huru-hara, demonstrasi jalanan dan aktiviti pengganas. Mereka seringkali menggambarkan dan mewar-warkan bahawa kerajaan mereka maha zalim, menindas rakyat, tidak demokratik dan bukan kerajaan yang baik walaupun sebenarnya kerajaan itu adalah kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

kelemahan dan isu-isu kecil di besar-besar dan disensasikan melalui MEDIA bebas antarabangsa yang YAHUDI ada kepentingan agar negara akhirnya tunduk kepada semua kehendak POLIS dunia ini. Salah atau benar adalah pada tafsiran mereka sahaja bukan atas dasar perlembagaan dan kedaulatan negara masing-masing.

dalam konteks Malaysia sudah ada negara jiran yang berani mempertikai dasar-dasar negara ini. Kedaulatan ruang dan privasi tidak dihormati. Menjadi batu api bertalam muka dengan memihak kepada pembangkang secara terbuka. mengkritik dasar-dasar pentadbiran dan yang lebih buruk menjajah ekonomi melalui pembelian asset secara besar-besaran oleh GLC mereka. Memberi tekanan ekonomi negara jiran agar kerajaan tunduk dengan dasar-dasar mereka.

Sepatutnya negara ini mempunyai dasar-dasar yang tegas dan berwawasan jauh. seribu pemimpin negara bertukar agenda tetap tak berubah. Negara terkawal tidak huru-hara, ekonomi berjalan baik tiada rakyat yang risau atau takut setiap kali pemimpin bertukar atau berubah. Perubahan bukanlah sesuatu dasar cuba pakai yang rakyat menjadi bahan ujikajinya. dasar dan wawasan harus jelas dan pemimpin baru harus memperkasa dan meneruskannya jika ianya baik untuk semua.

akhirnya jika kita berada di puncak genting yang tidak selesa dan masih kabur dengan masa depan. maka berani-beranian diri membuat perubahan. Berani berubah dan berhijrah menjadi rakyat yang lebih bertanggungjawab. Kenal siapa musuh siapa kawan. fahami semua yang tersirat berlaku di sekeling kita jangan menyokong membuta tuli. pertahankan alif ba ta. insyaAllah selamat dunia akhirat.

By yet18  on [December 16, 2009 11:49 AM](#)

Amerika cuma tukar presiden...tapi belum tukar style dan idologinya. Amerika tetap amerika. Dia tetap sekutu kuat Israel.

<http://kingpahat.blogspot.com>

By apanama  on [December 16, 2009 11:27 AM](#)

<http://apanama2020.blogspot.com/2009/12/opacity.html>

We, our new foreign policy, seem to be supporting OPACITY!

By Mata Pena  on [December 16, 2009 11:21 AM](#)

Salam Tun.

Sejak dahulu lagi saya memerhatikan perkara ini, khususnya penindasan Negara-Negara Barat(bukan Islam) keatas Negara-negara Islam. Saya melihat perkara ini berpunca dari banyak sebab antaranya:

1. Kelemahan negara Islam sendiri dalam bidang SAINS dan TEKNOLOGI. Tanpa penguasaan Sains dan Teknologi maka adalah mustahil untuk menghasilkan senjata yang mampu menandingi senjata-senjata dari Barat dan Amerika. Jika Negara Islam mampu membelinya dari Negara-Negara Barat dan Amerika, sudah tentu senjata tersebut diubah prestasinya agar tidak setanding dengan senjata mereka sendiri.

2. Negara-negara Islam tidak bersatu. Negara-negara Islam boleh berpecah hanya kerana sebab-sebab yang kecil dan remeh.

3. Sebahagian besar pemimpin-pemimpin Negara Islam leka dengan kemewahan dek kerana kekayaan minyak.

4. Negara-negara Islam terlalu bergantung kepada Negara-negara Barat untuk keperluan ketenteraan dan lain-lain keperluan yang seharusnya dihasilkannya sendiri.

5. Tidak banyak pemimpin Negara Islam yang berani bersuara diatas ketidakadilan yang berlaku kepada Negara-negara Islam. Malah dilihat Pemimpin Cuba dan Venezuela lebih banyak membela Negara-negara Islam seperti Iran dan Palestine.

6. Negara-negara Islam yang kaya tidak cuba menguasai media antarabangsa yang memainkan peranan utama keatas isu-isu semasa dan antarabangsa. Cuma baru-baru ini saja negara Islam cuba memasuki bidag ini melalui Al Jazeera, itu pun tidak diketahui samada ianya dimiliki bersama oleh Negara-negara Barat atau tidak.

7. Sebahagian besar pemimpin Negara Islam agak malas berfikir dan mencari jalan bagaimana untuk memastikan kemajuan setanding dengan Negara-Negara Barat.

8. Tiada satu pun Negara Islam yang mampu menghasilkan senjata yang cukup untuk mempertahankan diri kecuali Iran. Itu pun senjata yang dihasilka Iran dikatakan ketinggalan 15-20 tahun dari senjata yang dihasilkan Amerika dan Israel.

9. Purata Pendapatan Negara-negara Islam jauh lebih rendah dari Negara-negara Barat, justeru itu mereka lebih miskin dan hanya mampu menampung perbelanjaan untuk sara hidup sahaja.


10. Tiada Pemimpin Islam yang dilihat mempunyai tokoh untuk menjadi Pemimpin Negara Islam. Malah untuk mencari Pemimpin yang setanding Tun sendiri pun agak sukar.

Saya merasakan Nasib Negara-Negara Islam tidak akan berubah selagi Negara-Negara Islam tidak bersungguh-sungguh dalam menguasai ilmu SAINS dan TEKNOLOGI, kerana ini saja ILMU yang mampu menghasilkan senjata untuk mempertahankan diri.

Selagi Negara-Negara Islam tidak mampu menghasilkan senjata sendiri selagi itulah Negara-Negara Islam akan terus ditindas. Hanya Negara Islam sendirilah yang mampu mengubah nasib Negara-Negara Islam.


By [Chuah Kee Man](#) on [December 16, 2009 11:19 AM](#)

Negara-negara OIC pun memang gagal dalam mempertahankan nasib negara-negara Islam seperti Iran, Iraq. Yang banyak dibuat ialah pinjaman wang dari US. Lepas tu, bila Israel serang rakyat Palestin...senyap jer...sebab tahu US akan tarik balik pinjaman.

By tokapi  on December 16, 2009 10:52 AM

Tok Det,

Nampaknya kenyataan itu dikeluarkan Kementerian Luar Negeri.. Harap Kementerian Luar Negeri boleh bagi penjelasan??

By antikmalaya  on December 16, 2009 10:50 AM

Apa khabar Tun,

Ini lah dasar orang2 kufur. Sejarah menjadi panduan hidup. Apabila orang2 kufur memerintah, maka tiada keadilan di muka bumi ini. Tidak seperti apabila orang Islam, mereka sentiasa adil dalam menjalankan tugas sebagai Khalifah.

Orang Melayu hebat. Sebab secara lahiriahnya, mereka menjiwai banyak ciri-ciri Khalifah. Kenapa OIC masih gagal menyatupadukan umat Islam? Sebab mereka tidak memiliki ciri-ciri Khalifah. Minta maaf, mereka ini merupakan bangsa Arab.

Malaysia akan terus menjadi negara hebat sekiranya orang Melayu terus memerintah. Tetapi sekiranya pihak kufur diatas, saya pasti orang Melayu Islam akan ditindas seperti puak Islam dinegara-negara yang bukan Islam. Contohnya banyak untuk kita amati.

Tapi sayang seribu kali sayang. PAS tidak tengok ini semua. PAS mengatakan kami lebih Isle dari UMNO. Bukan Isle Tok Nik, tapi Islam. Islam tidak pernah dikenali sebagai Isle. Sebut kena terang sikit!

Kenapa tiada seorang PAS pun yang menyuarakan dengan lantang apabila Gereja Catholic mahu menggunakan nama Allah di gereja mereka! Apabila batas agama tidak lagi dihormati, kita harus bersatu menahankan maruah agama. Tetapi kini, politik yang menentukan maruah agama! Sungguh sedih!

Kita kini terlalu asyik berpolitik sampaikan hukum Allah pun kita politikkan. Sebagai contoh, apakah benar Nabi Muhammad s.a.w juga mengamalkan cronism? Ini satu fitnah besar untuk junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Inilah dilema umat Islam. Adakah kita sedar, kita ini sebenarnya sudah lama tertipu dengan pihak Nasrani dan Yahudi ini. Ini semua permainan mereka untuk memecah-belahkan umat Islam.

Nuklear hanya boleh ada untuk orang bukan Islam. Kalau orang Islam mempunyai nuklear, maka mereka dicap terrorist!!!

Sampai bila kita nak berbalah sesama sendiri sedangkan kita lalai memperjuangkan maruah agama!

Orang Melayu hebat! Orang US tidak akan hebat untuk selamanya!

By ifanonline  on December 16, 2009 10:45 AM

Dear Tun,

It looks like this is the new approach and policy of our PM Najib. Below are my take on this phenomenon:

1. Najib's good friend is the Malaysian Ambassador to Washington (the position which was suppose to be given to a senior diplomat in Wisma Putra.
2. Malaysia's exports to the US is more than 10% of our GDP. Thus, quarreling with the US is not going to make Malaysian economy any more better.
3. Islamic countries under the OIC is useless, talk only no action. Most Arab countries invest heavily in the US, they do not want their investment to be interrupted by petty fights between US and Iran or between Israel and Palestine.
4. Malaysia should concentrate more towards its own economy rather than championing issues that do not bring positive outcome towards the people of Malaysia.

That's my 1 ringgit idea. Thank you.

By rahim  on [December 16, 2009 10:35 AM](#)

Y.A.Bhg Tun,

1. Malaysia hanya sebuah negara kecil yang masih mundur. Pendapatan perkapita kita terlalu kecil kalau nak dibandingkan dengan negara maju. Simpanan negara tidak cukup untuk menampung keperluan negara sekiranya negara kita dikenakan tindakan sanction seperti yang Amerika kenakan kepada iran. Bekalan makanan asas kita tak cukup. Pengeluaran beras hanya dapat tampung 50 peratus keluaran negara. Ekonomi kita terlalu terbuka kerana perdagangan luar yang banyak memberi sumbangan kepada GDP.
2. Kita tidak boleh berlagak terlalu kuat kerana kalau Amerika tekan sedikit sahaja maka akan huru hara dalam negara kerana rakyat kita tidak homogenous seperti rakyat Iran. Negara kita ada banyak kumpulan etnik yang belum tentu boleh bersatu padu menghadapi tekanan oleh amerika.
3. Pelaburan negara Barat di negara kita terlalu banyak dan mereka boleh kenakan tekanan ekonomi yang menyesak rakyat kumpulan berpendapatan rendah. Sebab itu kita perlu berhati-hati dengan dasar luar kita dan tidak terlalu anti Barat. Kalau kita sokong Iran pun apa yang kita dapat kerana rakyat Iran sendiri pun berpecah belah seperti rakyat orang Arab sendiri.
4. Buat apa kita nak jadi hero atau pembela kepada nasib negara iran tetapi akhirnya padah yang kita tanggung. sekarang ini negara kita sedang bertungkus lumus untuk memulihkan ekonomi. Kalau kita tidak berhati-hati maka ekonomi kita yang rapoh akan musnah dan yang paling ramai menerima kesan adalah orang Melayu kerana kita tidak ada reserve yang mencukupi.
5. Dasar luar yang paling pragmatik bagi Malaysia adalah berbaik dengan semua negara dan jangan cuba nak jadi hero.
6. Pada masa Tun jadi PM dulu, kewibawaan Tun di pentas dunia dihormati kerana personaliti Tun yang dianugerah oleh Allah SWT. Mungkin Najib belum sampai ketahap tersebut untuk bebas dan lantang bercakap dipentas dunia. Cabaran terbesar Najib sekarang adalah untuk memperkukuhkan sokongan rakyat kepada kerajaan kerana Parlimen sekarang mempunyai suara pembangkang yang ramai. Kerajaan boleh bertukar tangan oleh kerana majoriti yang kecil.

Sekiranya Amerika membuat kecaman kepada Malaysia, saya tidak yakin seluruh rakyat bersatu padu menyokong Kerajaan yang diterajui oleh UMNO dan Barisan Nasional. PAS dan DAP hanya menunggu peluang untuk menjatuh Kerajaan Najib sekarang.

7. Langkah yang paling pragmatik adalah memberi tumpuan kepada usaha mencapai Wawasan 2020 supaya kita capai status negara maju menjelang tahun 2020. Kita perlu wujudkan persekitaran yang harmoni dipentas dunia supaya Syarikat Multinasional Malaysia seperti PETRONAS atau Sime Darby boleh mengaut keuntungan diluar negara dan dibawa balik untuk kesejahteraan rakyat Malaysia. Lagi pun inilah peluang untuk orang Melayu berada diarena antarabangsa melalui PETRONAS.

8. Kalau kita nak jadi jaguh atau hero mempertahankan hak Iran, saya khuatir kita akan dikecam dan mungkin dikenakan sekatan oleh Amerika atau negara Barat yang lain.

9. Saya fikir lebih baik kita memberi sokongan yang kuat kepada Obama supaya ekonomi negara dapat berkembang pesat dan kita dapat keluarkan lebih ramai orang Melayu dari belunggu kemiskinan. Kita mulai bersuara apabila kita berjaya keluar dari belunggu kemiskinan. Sekiranya Malaysia berjaya capai status negara maju menjelang tahun 2020 maka saya rasa Malaysia adalah sebuah negara islam demokratik yang pertama menjadi negara mencapai status negara maju. Dunia akan hormati Malaysia dan akan jadi contoh kepada negara islam yang lain. Sekarang pun orang luar datang berduyun-duyun melawat Putrajaya sebagai pusat pentadbiran negara yang patut mereka contohi.

10. Diharapkan Tun sokong sahaja tindakan Kerajaan yang memanggil Duta kita yang mungkin telah membuat kesilapan semasa pengundian isu nuklear Iran. Saya yakin Wisma Putra dengan pasukan think tank mereka telah mempunyai dasar luar yang pragmatik untuk Malaysia. Saya kuatir sekiranya Tun kritik dasar Najib berkaitan isu ini maka musuh UMNO terutamanya PAS dan PKR akan mengambil kesempatan untuk menimbulkan lagi perasaan benci kepada Kerajaan.

Yang Iklas,

Rahim

By Tasriff Mokhtar  on December 16, 2009 10:33 AM

Salam Tun.

Thank you for keeping this blog alive and continue to share with us your thought and opinion. We are always hungry for your input.

Please continue doing it :)

By Onn  on December 16, 2009 10:23 AM

Tun,

Assalamualaikum

This is my first time comment in your blog. I wish Tun dan Toh Puan continued good health.

Thanks for opening this blog which has provided millions of Malaysians and others a rich source

of info, knowledge, opinion and platform to air their views and issues. For some its an electronic Hyde Park - anything goes.

Iran is a clear case of harassment by USA and Israel lobby. There is no doubt about it. A similar pattern is emerging as in Iraq. They are trying to create a non-existent issue against Iran by claiming that Iran is a threat to the world. Iran cannot be trusted. They will go on and try to come up with something.

Remember the Saddam case, when Iraq said they don't have WMD, the Western media would "shout" he's a liar and cannot be trusted and all his other words are lies lies lies and their media would continue to drum it. When the dust settled and USA and Britain were the ones proven to be the BIGGEST liars - the non-existent WMD (which they knew in the first place). Their media were silent.

The question is can we trust proven liars as huge as USA, Britain and the Israel? Answer : No.

USA and Israel spin doctors will create a storey, a fantasy if you may, as an excuse to attack Iran as it did with Iraq. Their media will try to convince the world to believe their false cause to attack Iran.

The USA sanction on Iran has back-fired. It made Iran more self-reliant and come out much stronger. They will definitely try to find some other means to destabilise Iran - economically, politically etc

Double standard !!!!

By John Byrne  on December 16, 2009 10:21 AM

Dear Tun,

Tiada apa nak diherankan berkenaan dasar luar Jews dan Amerika serta negara2 barat yang lain.

Selagi orang Islam tidak menukar agama mereka kepada selain dari Islam, mereka-mereka ini tidak akan menyukai atau menyokong orang Islam..

Allah telah mengingatkan kita akan hal ini dengan jelas dalam Al Quran. Orang Yahudi tidak akan sekali-kali berdamai dengan orang Islam.

Berkenaan kerajaan kita dalam hal ini, sekiranya perubahan dalaman pun tak berani nak buat, apa tah lagi nak bertelagah dengan Amerika?

I am beginning to feel that the present leadership is becoming like the previous... Weak.... Wanna become superstar only!!

TQ

W'salam

By [ezani](#) on December 16, 2009 10:17 AM

Assalamu'alaikum WBT Tun

I applaud your stance taken on Islam and your reminder to the world Muslim community (as reported in mStar Online -Star versi melayu - by Florence A Samy today entitled "Dr M Selar OIC Kerana Gagal Menyatu-padukan Umat Islam ") and which I read with great interest. As usual you are right and I feel I may have to revise my perhaps wrong opinion that the Prime Ministers of Malaysia do not have any good knowledge on Islam. I also noted Najib's comments on the Thai Southern Muslims that they should be loyal to King of Thailand as long as it does not go against the teachings of Islam. I concur with him on this and it is stated in the Quran. This was also reported in mStar Online 2 days ago. It is comforting to know that at least you and Najib know some basic principles on Islam and perhaps a lot more.

Yes, I totally agree with you that there are a very small minority of Muslims in Middle East (Iran, Afghanistan and Indonesia) who have been proven to be terrorists in the sense that they are suicide bombers who bomb hotels (eg. Marriott Hotel, Indonesia) and other strategic places. Although in late 2009 (before the September bombing), I could not accept that women and young men in Middle East could be brainwashed by a small group of militant men to bomb others (and kill themselves in the process) to go to heaven, now I know this is so. It is very sad and what America claimed to be true is true but only for this extremely small number of fanatics who profess themselves to be followers of Islam. It is not true for the majority of the Muslim world but we as responsible Muslims should clear Islam's good name by guiding this small group of misguided suicide bombers back to the right path and bringing the party of militant men who carry out this "brainwashing" activities, to justice as soon as possible.

I also totally agree with you that it is unfair to ban Iran on nuclear technology (and weapons) if the US and Europe and their allies can have it, what more North Korea, Pakistan and India. It is common sense but the world population still appear to not care about the agenda of the West and this makes it easy for the West to sedate them with "kebudayaan kuning", lepak melepak and hedonism.


I am very glad (and proud) to have an (ex)-PM like you who comes from Malaysia who speaks on this key issues to inform the world and who shares the same viewpoint as me.

Yes, the OIC has been ineffective in promoting the real, proper Islam to the world but it is easy to see the hypocrisy of the Arab leaders and their Western lifestyles and excesses. How can we expect leaders who practise such an un-Islamic life to promote Islam?

I think the way forward is to strengthen Islam in Malaysia, our beloved country, and then show it as a shining example to firstly, the Arab countries and secondly, the West and the whole wide world. The Government of Malaysia must do away with its secular policies, shed its "look West" image and policies and go back to the basics of Islam in order to successfully do this. The impetus and drive should come from the Prime Minister of Malaysia who is a Muslim and this should then flow downwards to the rakyat. This is the way it should be and is the proper and natural flow from a leader down to his rakyat. The leader must set the example first.

By [akupun](#) on December 16, 2009 10:09 AM

salam,
cayalah tun,
nobody can talk like u in 1Malaysia.

By sadderstar  on December 16, 2009 9:57 AM

tu lerr pasal..aku mmg tak stuju betul bila duta kita kena panggil balik..

By Anak Malaysia  on December 16, 2009 9:41 AM

Salam Tun,

It is because we have no guts to stand up for what we think is right. We need bolder leadership.

Thank you.

By hajime  on December 16, 2009 9:36 AM

Assalamualaikum Tun..

(saya kira beri salam dalam islam begini lebih baik daripada ucap salam 1 Malaysia, entah mazhab mana entah ajar, bukan dapat pahala pun)..

tentang kita sudah tukar...

emm, saya kira memang kita sudah tukar..

tukar dasar, pendirian.. cuma mungkin fakta dan sejarah sahaja yang tidak boleh ditukar..

Obama dalam manifesto pilihan raya 2008 antaranya menyebut bahawa, akan mengurangkan bilangan tentera, menutup pusat tahanan Guantanamo, mengurangkan kesan rumah hijau (lebih banyak daripada pihak lawan), mengadakan diplomasi dengan Iran berkenaan isu senjata nuklear, membela nasib rakyat Palestin (termasuk mewujudkan negara Palestin merdeka) dan mengadakan hubungan antarabangsa yang lebih baik dengan negara Islam..

Mana janji-janji itu? Ada yang telah ditunaikan? jawapan paling mudah.. TIDAK.. SEMUA TIDAK.. tapi apa yang lebih bagus, entah siapa yang buta memilih beliau sebagai pemenang anugerah nobel keamanan.. merepek sungguh..

SILA BACA ARTIKEL INI...

Penjara Illinois, lokasi baru tahanan Guantanamo
16/12/2009 2:47am

WASHINGTON 16 Dis. - Tahanan-tahanan di penjara tentera Amerika Syarikat (AS) Teluk Guantanamo, akan dipindahkan ke sebuah penjara yang disediakan kerajaan persekutuan di utara negeri Illinois, lapor seorang pegawai pentadbiran hari ini.

“Hari ini, pentadbiran mengumumkan bahawa Presiden telah mengarahkan kerajaan persekutuan supaya meneruskan persediaan di Pusat Hukuman Thomson di Thomson bagi menempatkan banduan-banduan persekutuan dan beberapa tahanan dari kem Teluk Guantanamo, Cuba.

“Penutupan pusat tahanan di Guantanamo penting untuk melindungi keselamatan negara.

“Pengumuman hari ini merupakan satu langkah penting ketika kita berusaha mencapai objektif keselamatan negara,” katanya. - AFP

pandaikan putar belit alam? tutup Guantanamo tapi buka tempat lain..
memang kalau ikut ayat, Guantanamo tutup, tapi yang tersiratnya, CUMA DIPINDAHKAN!!!

isu pemanasan global misalnya, persidangan negara-negara di seluruh dunia bagi membincangkan kesan rumah hijau ini, macam2 alasan diberi..padahal, Amerika merupakan penyumbang utama kes ini.. kata nak kurang, mana ada, makin bertambah adalah.. dasar penipu..

Nuklear?? Hahaha, isu yang besar, tapi bagi Israel dan Amerika, kecil je isu itu.. nak suruh negara lain jangan guna nuklear, tapi mereka boleh pula? nak ajar negara lain kononnya, tapi tak sedar yang merekalah durjana utama dunia.. negara lain macam Korea guna nuklear untuk elektrik.. boleh hasilkan jumlah tenaga elektrik yang banyak dengan kos yang murah.. malah, boleh kurangkan penggunaan bahan api fosil.. macam yang tun kata, yang ada 2 pun nak bising, tapi yang ada 25 ribu tak kecoh pula.. kenapa ye?


saya agak terkejut yang duta Malaysia dipanggil sebab tak sokong Amerika.. pelik, kenapa kita perlu sokong Amerika? Adakah sebab kita rasakan dia merupakan antara pelabur utama kita? takut Amerika halang pelabur dia melabur di Malaysia dan kita akan terus mengalami krisis ekonomi..

tak payahlah la kita nak tunjuk hebat dalam bab ini.. Macam yang kita tahu ,banyak negara tak suka Amerika dan Israel.. siap kita masuk NAM lagi (Pergerakan Negara berkecuali).. tapi apa jadi? pergerakan yang bodoh, tak beri apa-apa hasil.. gagal menekan kuasa besar.. Kita pun masuk OIC,tapi macam Tun katalah, OIC GAGAL!!!.. Iran pun masuk OIC.. kita dah jadi PEMBELOT..

fikirlah balik dasar-dasar kita... dasar baru memang perlu tapi janganlah dasar yang macam ini.. apakah kita suka negara lain benci kita? saya tak harap, tapi janganlah pada suatu hari nanti, kita tukar dasar kita terhadap Israel.. kita jalinkan hubungan diplomatik dengan Israel.. Janganlah.. tolong.. janganlah..

perkara ini tak mustahil berlaku pada masa depan?
fikir-fikirkanlah, renung-renungkanlah..

P/s: apa kata kita pun bina nuklear?

By zmokhtar@gmail.com  on December 16, 2009 9:28 AM

Dasar sewajarnya dibuat selepas memikirkannya semasak-masaknya. Ini prinsip bagi sebuah kerajaan pimpinan sesebuah parti siasah. PM bertukar, tetapi bagi parti siasah yang sama, dasar tak bolih sewenang-wenangnya ditukar kerana kalau bertukar pemikiran dahulu tidak masak, atau pemikir baru perlu dimasak.

By Ahmad  on December 16, 2009 9:21 AM


Assalamualaikum..

Tun,

kebelakangan ini saya merasa agak gusar dengan dasar-dasar pentadbiran dato' seri najib perkenalkan. langkah2 beliau yang merancakkan liberalisasi tanpa hati2 terutama menggalakkan pelaburan dari negara uncle sam. kebergantungan kepada kepada US akan menyebabkan kita terperangkap dengan telunjuk mereka. Bunga2 yang tun tunjukkan telah pun nampak..tak tahula lepas ni ape pula.

Tujuan US bukanlah untuk mengekalkan keamanan di rantau asia barat tapi lebih kepada mewujudkan empayar israelraya yang lebih luas. walaupun beratus presiden Amerika bertukar ganti, dasar mereka takkan berubah selagi kroni yahudi kukuh dalam pentadbiran US.

kepada dato' seri Najib..try to see the unseen.

By kamarul  on December 16, 2009 9:20 AM

Steady Tun !!!!

By A.Alshukor  on December 16, 2009 9:19 AM

Satu catatan yang menarik Tun.

Kita di Malaysia hari ini, nak jadi kawan baik yang terbaik untuk Obama agaknya. Obama dah menang dan dah jadi Presiden Amerika, negara yang "terkuat" di dunia. jadi kawan baik kena sokong la, kalau tidak mana mungkin jadi kawan baik.

Kita kan sibuk nak ajak Obama datang Malaysia, nanti Duta Kita Dato JJ pergi White House, tak boleh masuk langsung, belum lagi kata nak jumpa Obama, mereka kata tengok masih undi kat UN kamu orang Malaysia sokong siapa???

Cerita bab Nuklear ni, dah lama dah jadi isu, tak kira siapa, sepatutnya guna akalpun, semua tak ada hak nak ada senjata nuklear, tapi Amerika ke Russia ke, Israel ke, India, China atau pakistan, kalau nak buat juga, nak ada juga itu hak masing masing la, bila ada yang nak bom negara asing, itu pun ikut GILA punya kerja, tapi yang ada kuasa selalunya fikir dia lah yang paling betul.

Tak begitu Tun? bila berkuasa aku lah RAJA ...

Sejarah telah membuktikan banyak perkara, tapi yang menariknya manusia tak pernah belajar darinya. Kalau di Malaysia, bak kata Tun, Melayu(Manusia) Mudah Lupa.

Iran ke Afghanistan ke, bilalah agaknya nak kena BOM Nuklear ya???

By sangtawal  on December 16, 2009 9:08 AM

salam buat tun yg dikasihi,


sangat setuju dengan pendapat Tun.

kalau di zaman Tun dulu, dasar baru seperti ini bagi negara kita tak jadi macam ni.

boleh tak tun komen sikit berkenaan pendekatan "1 Malaysia".
setakat ni Tun senyap je pasal 1M ni!!!

waktu zaman Tun dulu , Tun Dr Hasmah tak lah nampak menonjol sangat, tapi sekarang , "dasar baru".... "lebih tertonjol" pulak! kadang-kadang meluat pun ada menengoknya!

wassalam.

By chemud  on December 16, 2009 9:00 AM

Salam Tun,

Sebenarnya kuasa besar takut dengan negara Islam,mereka sentiasa cari peluang untuk sekat kemajuan negara Islam.

Kalau semua negara Islam bersatu dan bantu-membantu antara satu sama lain, kita akan jadi kuasa besar yang disegani.

Ini tidak, kita telah dipisahkan dengan sempadan negeri dan negara. sebelah sini negara aku, sebelah sana negara engkau. Kau jaga negara engkau, aku jaga negara aku. Pandai-pandailah nak hidup.

Saya cadangkan, semua negara Islam bergabung dan adakan satu khalifah (contohnya di Arab Saudi atau indonesia). Di negeri/negara lain adakan gabenor untuk mentadbir.

Apa pandangan Tun?

Che Mud

By miorfaris  on December 16, 2009 8:58 AM

Salam Tun,

If we all had known that you are still in a best of health and still in excellent mental state until now, we could have force you to be the Prime Minister until today.

I love you Tun.

By nodos  on December 16, 2009 8:55 AM

untuk menentang arus bukan senang tun..hanya watak2 hero spt tun shj yang boleh menentang the hidden hand

By Dr.Siddiq Azani  on December 16, 2009 8:42 AM

as usual, Tun never dissappoint us. u just don't care whether he is najib or pak lah.

un, the question is very clear. Iran even never sign the NPT treaty. why should they bound to UN's policy?

i think malaysia needs to be more vocal like when you were the prime minister. tun, why did you resign? i wish you still the prime minister of malaysia.

with permission,

KALI NI JANGAN MAIN-MAIN


<http://writtenbyhim.wordpress.com/2009/12/16/bola-sepak-kali-ni-jangan-main-main/>

KINI PAS KATA SALAM 1MALAYSIA BIDAHAH PULA?

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2009/12/14/kini-pas-kata-salam-1malaysia-bidaah-pula/>

WHY I WILL NEVER SUPPORT KHAIRY JAMALUDIN

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2009/12/15/why-will-i-never-support-khairy-jamaludin/>

By wajaperak  on December 16, 2009 8:32 AM

Assallammualaikum warahmatullah hiwaba rokatuh..

SYABAS!!

Tun memang hebat!!..Teruskan perjuangan Tun..

Kami berdiri teguh di belakang Tun..

Kalau Najib lupa kita bagi peringat..

JANGAN..JANGAN..DAN JANGAN..LANTIK KJ!!

Kalau Najib degil..

Tukar..Tukar..Tukar..Tukar sahajalah..(Kita tukar Najib dengan Muhiyiddin) sebelum PRU 13..

Jangan nyanyi lagu Too Late oleh Def Leppard..sakit telinga!!

Terima kasih Tun..

Source : <http://chedet.co.cc/chedetblog/2009/12/kita-sudah-tukar.html>